

# Kabinet lulus Modul Hubungan Etnik di IPTA

**P**UTRAJAYA, Kabinet meluluskan Modul Hubungan Etnik yang dimuktamadkan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mula digunakan di semua universiti awam di negara ini, Julai depan.

Modul itu yang melalui tempoh perbincangan enam bulan dengan enam draf, termasuk tiga kali ditolak Kabinet, diluluskan jemaah menteri minggu lalu dengan syarat beberapa pindaan kecil dibuat berikutan beberapa menteri memberi pandangan dalam mesyuarat Kabinet, semalam.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk

Mustapa Mohamed, berkata Modul Hubungan Etnik akan dicetak tidak lama lagi untuk diedarkan ke semua universiti awam sebagai garis panduan bagi mengajar kursus wajib universiti, Hubungan Etnik yang diberi dua jam kredit.

"Kementerian juga berbincang mengadakan kursus hubungan etnik di universiti dan kolej swasta," katanya kepada pemberita selepas mempeperang mesyuarat pasca Kabinet kementerian itu, di sini, semalam.

Turut hadir pada sidang akhbar itu, Ketua Penyunting Modul Hubu-

ngan Etnik, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin yang juga Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu serta Institut Kajian Oksidental, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Mustapa berkata, antara bahagian yang dikeluarkan daripada modul sebelum ini ialah tuntutan Suqiu, peristiwa DAP terbabit dalam perarakan 13 Mei 1969, peranan belia India dalam peristiwa pergaduhan di Kampung Medan pada 2001 serta huraian mengenai agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia.

Beliau berkata, kementerian akan menganjurkan latihan khas bagi tenaga pengajar modul itu bagi membolehkan mereka faham mengenai matlamat yang perlu dicapai selepas pelajar mengikut kursus hubungan etnik.

"Walaupun beberapa bahagian dikeluarkan daripada modul itu, pelajar bebas membincangkan perkara itu ketika sesi di dalam kelas," katanya.

Beliau berkata, pelajar, tenaga pengajar dan orang ramai juga bebas memberi pandangan mengenai modul berkenaan.

BH- 25/11/2007